

Analisis Kefahaman Instrumen Amanah (Trust) Dalam Pentadbiran Harta Pusaka di Negeri Perlis

Analysis of the Understanding of Muslim Trust Instrument As Estate Planning in Perlis

MUHAMAD MU'IZZ ABDULLAH
ABDUL BARI AWANG
MOHAMAD SABRI ZAKARIA
NASRUL HISYAM NOR MUHAMAD

ABSTRAK

Amanah (trust) adalah salah satu instrumen perancangan harta pusaka yang merujuk kepada undang-undang kontrak dan komersial yang berasaskan kepada Undang-Undang Inggeris terutama melibatkan prinsip ekuiti. Namun begitu, pelaksanaan amanah (trust) masih kurang dibahaskan secara terperinci. Ini kerana masyarakat lebih mengenali instrumen perancangan harta pusaka sedia ada dalam Islam seperti faraid, hibah, wasiat, wakaf, dan takaful. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat mengenai amanah (trust) sebagai salah satu instrumen dalam pentadbiran harta pusaka. Bagi mencapai objektif ini, kajian berbentuk kualitatif dijalankan dengan menganalisis artikel, dokumen perundangan dan kajian kes mahkamah. Amanah Raya Berhad (ARB) sebagai Public Trustee di Malaysia dipilih untuk melihat sejauh manakah mekanisme amanah (trust) dilaksanakan. Temu bual bersama beberapa orang pegawai di ARB dan juga wakil Majlis Pengawasan Syariah Amanah Raya Berhad (MPS ARB) telah dijalankan untuk melihat mekanisme pelaksanaan dan sudut pandang syariah. Di samping itu, kajian lapangan turut dilaksanakan dengan mengedarkan borang kaji selidik secara atas talian yang melibatkan 150 orang responden yang beragama Islam di negeri Perlis. Data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kefahaman yang sederhana mengenai hukum-hukum amanah (trust) daripada perspektif syariah dengan nilai min 3.66 (s. p=.47). Manakala dari sudut kefahaman konsep pelaksanaan instrumen amanah (trust) menunjukkan responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dengan nilai min adalah 3.89 (s. p=.51). Kesimpulannya, amanah (trust) berupaya menjadi alternatif kepada masyarakat muslim dalam perancangan harta untuk kepentingan waris yang akan ditinggalkan.

Kata kunci: Amanah; kefahaman; harta pusaka; penderma; pemegang amanah

ABSTRACT

Trust is one of the instruments in Islamic estate planning that refers to contract and commercial law which are based on the English Law, especially in the principle of equity. However, the implementation of trust is still not discussed in detail. This is due to the fact that the community is more familiar with the existing Islamic estate planning instruments such as Islamic inheritance (faraid), gifts (hibah), will, Islamic endowment (wakaf), and takaful. Therefore, the objective of this study is to identify the level of public understanding of trust as one of the instruments in Islamic estate administration. To achieve the objective, a qualitative study was carried out by analyzing articles, legal documents, and court case studies. In addition, Amanah Raya Berhad (ARB) as the Public Trustee in Malaysia was chosen in order to examine to what extent has trust instrument has been implemented. Interviews were conducted with a few officers of ARB along with the representative from Majlis Pengawasan Syariah Amanah Raya Berhad (MPS ARB) to better understand the mechanism of implementing trust and shariah point of view. Apart from that, a field study was also conducted by distributing survey forms online which involved 150 Muslim respondents in Perlis. The data collected were analyzed descriptively. The findings of the study showed that the respondents had a moderate level of understanding of the law of trust from shariah's perspective with the mean value of 3.66 (s. d=.47). Meanwhile, the respondents had a high level of understanding on the concept of implementing trust instrument with the mean value of 3.89 (s. d=.51). To conclude, trust instrument can be the alternative for the Muslim community in planning their estate for the benefit of the heirs who will be left behind.

Keywords: Trust; understanding; estate planning; donor; trustee

PENGENALAN

Mekanisme amanah (trust) merujuk kepada hubungan fiduasari di mana seorang penderma yang terdiri daripada individu atau organisasi memberikan tanggungjawab penjagaan harta kepada pemegang amanah (trustee) untuk memegang hak milik atau aset bagi kepentingan benefisiari (El Islamy, 2018). Amanah (trust) boleh diwujudkan sewaktu hidup penderma atas pelbagai tujuan melalui terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Surat Ikatan Amanah (SIA), dan arahan tersebut perlu dilaksanakan oleh pemegang amanah (Mary George, 2005). Mekanisme ini adalah berteraskan konsep ekuiti dengan merujuk sepenuhnya kepada Perundangan Inggeris. Bidang kuasa amanah (trust) ini dapat dirujuk di dalam Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai Perundangan, Senarai 1, Senarai Persekutuan, 4(e)(i):

“(i) Kontrak; perkongsian, agensi dan kontrak khas yang lain; majikan dan pekhidmat; rumah inapan dan tuan rumah inapan; perbuatan salah boleh dakwa; harta dan pindah hakmiliknya serta hipotekasinya, kecuali tanah; bona vacantia; **ekuiti dan amanah.....**”

Mekanisme amanah (trust) diaplikasikan secara meluas dalam beberapa sektor seperti bidang kewangan Islam. Ini dapat dilihat melalui peranan pemegang amanah dalam penerbitan sukuk, unit amanah dan pengelolaan dana (fund management), di mana amanah (trust) dibentuk untuk melindungi kepentingan pelabur dalam instrumen tersebut (Mahmud et.al., 2018). Namun demikian, pelaksanaannya dalam industri pentadbiran harta pusaka masih kurang dibicarakan dan tidak dilaksanakan secara meluas. Ini kerana, masyarakat muslim lebih terdedah kepada instrumen perancangan harta sedia ada di dalam Islam seperti faraid, hibah, wasiat, wakaf dan takaful (Abdullah^a et al., 2020). Kenyataan ini turut dikuatkan oleh Sallehuddin (2021) bahawa kadar panggilan harian yang diterima di Jabatan Pengurusan Hubungan Pelanggan (CRMD) ARB kebanyakannya mengenai pengurusan harta pusaka iaitu sebanyak 80%. Majoriti pertanyaan adalah mengenai proses mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir, hukum-hakam faraid dan prosedur mendapatkan Sijil Faraid di Mahkamah Syariah, proses penyempurnaan wasiat, konsep hibah, dan nasihat perancangan harta. Manakala 10% pula adalah mengenai amanah (trust), dan baki melibatkan pertanyaan am sebanyak 10%.

Mekanisme amanah (trust) dalam pentadbiran harta pusaka pada masa kini mempunyai signifikan tersendiri. Ini kerana, isu permasalahan perancangan harta yang tidak sistematik dan isu pembahagian harta pusaka yang kritikal sering menjadi perhatian para penyelidik, pihak berautoriti dan masyarakat. Isu-isu yang sering menjadi perbincangan adalah seperti tahap kefahaman masyarakat yang rendah, tiada kerjasama dan sikap waris, pertembungan antara sistem perundangan Sivil dan Syariah, dan birokrasi pengurusan harta pusaka yang rumit (Baharudin & Said, 2017; Husnaa & Saifullah, 2020; Rashid & Yaakub, 2010). Implikasi utama yang berlaku adalah peningkatan jumlah harta yang tidak dituntut yang kini berjumlah RM70 bilion (MyMetro, 2020). Merujuk kepada statistik Wang Tidak Dituntut Dituntut (WTD) di bawah Jabatan Akauntan Negara, angka ini semakin meningkat saban tahun (Jabatan Akauntan Negara, Statistik 2014-2019). Jadual 1 di bawah melaporkan statistik rasmi bagi WTD dari tahun 2014 - 2019.

JADUAL 1. Statistik WTD dari tahun 2014-2019

Tahun	Wang Tidak Dituntut (RM)
2014	513 juta
2015	667 juta
2016	584 juta
2017	716 juta
2018	795 juta
2019	860 juta

Sumber: Laporan Aktiviti 2014 – 2019, Jabatan Akauntan Negara

Tidak dapat dinafikan bahawa faktor utama isu yang timbul ini disebabkan kurangnya kefahaman masyarakat mengenai pentadbiran harta pusaka. Malah, menurut Sallehuddin (2021) masyarakat masih keliru mengenai mekanisme amanah (trust). Oleh sebab “amanah” adalah merujuk kepada terma daripada Bahasa Arab, maka terdapat anggapan bahawa amanah (trust) adalah sama seperti konsep amanah (Islam) dalam wasiat, hibah dan faraid. Sebagai contoh, menerusi pertanyaan pelanggan ARB, terdapat di kalangan mereka yang tidak jelas akan konsep “penama” dan “penerima”. Malah terdapat juga pelanggan ARB yang menamakan anak di bawah umur sebagai penama bagi wang caruman di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ini bertepatan dengan dasar KWSP yang membenarkan penamaan anak di bawah umur 18 tahun sebelum 1 Januari 2017. Manakala selepas

1 Januari 2017 penamaan adalah terbatal kecuali penama mencapai umur 18 tahun dalam masa setahun selepas kematian ahli. Pelantikan anak di bawah umur dilihat bertentangan sama sekali dengan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang tidak membenarkan sebarang transaksi bagi kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah. Terdapat juga di kalangan masyarakat mewasiatkan harta yang bakal ditinggalkan termasuk pampasan insurans hayat yang telah dicarum kepada anak di bawah umur tanpa menamakan penjaga yang selayaknya. Malah, masih ramai beranggapan bahawa selepas kematian, aset si mati akan dibekukan dan dihantar kepada ARB secara automatik.

Selain itu, terdapat juga individu tidak bertanggungjawab mewujudkan tabung amanah kebajikan atas nama individu untuk mengumpul sumbangan orang ramai. Menurut Ibrahim (2021), pada tahun 2019, wakil ARB telah menemui penjaga lantikan bagi 6 orang anak-anak yatim di bawah umur di Rembau, Negeri Sembilan. Ini ekoran daripada kemalangan maut yang menimpa ibu anak-anak yatim tersebut, manakala ayah kandung mereka pada ketika itu sedang berada di dalam penjara. Disebabkan itu, terdapat waris si mati yang telah mewujudkan tabung amanah kebajikan untuk kebajikan anak-anak tersebut. Akan tetapi akaun sumbangan bank yang diwujudkan adalah atas nama peribadi beliau. Pelbagai implikasi boleh berlaku sekiranya kutipan sumbangan tersebut tidak menggunakan mekanisme amanah (trust) antaranya jumlah sumbangan tersebut akan menjadi pusaka pemilik akaun bank dan tidak akan diwarisi oleh anak-anak yatim tersebut. Hasil pertemuan tersebut, maka satu tabung amanah kebajikan telah diwujudkan menggunakan konsep amanah (trust) dan ARB sebagai *public trustee* telah dilantik sebagai pemegang amanah.

Justeru, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengetahui tahap kefahaman masyarakat tentang amanah (trust) yang dipraktikkan kini sebagai salah satu alternatif dalam pentadbiran harta pusaka yang lebih sistematik. Bagi mencapai objektif ini, dapatan kajian dikukuhkan dengan kaji selidik yang telah dijalankan ke atas sejumlah responden beragama Islam di negeri Perlis.

AMANAH (ISLAM) & AMANAH (TRUST)

AMANAH (ISLAM)

Terdapat 6 perkataan amanah yang disebutkan dalam al-Quran sama ada secara tunggal “أمانة” seperti di dalam Surah al-Baqarah ayat 283 dan Surah al-Ahzab ayat 72, atau secara majmuk “أمانات” seperti di dalam an-Nisa’ ayat 58, al-Anfal ayat 180, al-Mukminun ayat 8 dan al-Ma’arij ayat 320 (Abdul Baqi, 2008). Amanah (Islam) tidak hanya memberi fokus kepada sifat peribadi seseorang sahaja seperti gelaran *al-Amin* yang diberikan kepada Rasulullah SAW, malah amanah boleh wujud melalui pelbagai akad kontrak yang dimeterai antara dua pihak atas persetujuan dan syarat bersama. Daripada perspektif perundangan Islam, amanah boleh diwujudkan sama ada sebelum atau selepas kematian pihak yang mengikat kontrak. Justeru, hukum yang terhasil adalah berbeza mengikut situasi (Said et.al., 2019).

Amanah (Islam) dapat dibahagikan kepada 3 bahagian (Ibrahim, 2009):

1. Hukum Syarak
Pembentukan amanah (Islam) ditentukan oleh syarak melalui peruntukan undang-undang Islam seperti dalam konteks *al-wilayah al-maaliah*. Bapa adalah individu yang paling layak dalam penjagaan harta amanah minor dan *safih*, diikuti datuk dan lantikan penjaga. Sekiranya tiada lantikan penjaga dibuat, maka *al-wilayah al-maaliah* berpindah kepada hakim. Ini adalah selaras dengan Seksyen 89(1) dan (2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 2006 yang membenarkan pelantikan penjaga yang terdiri daripada bapa, datuk dan hakim.
2. Akad
Kebanyakan amanah (Islam) adalah wujud melalui akad seperti *wisayah* (pelantikan penjaga melibatkan minor), wasiat, hibah, wakaf, *wakalah*, *wadi'ah*, *i'arah* dan *hadhanah*.
3. Secara Tiba-Tiba
Pembentukan amanah (Islam) ini lebih tertumpu kepada barang yang hilang (*luqatah*) dan tidak memerlukan kepada akad. Individu yang menjumpai barang yang hilang bertanggungjawab untuk menjaga dan mengiklankan kepada umum dalam tempoh setahun.

Sekiranya ditinjau daripada perspektif perancangan harta pusaka, konsep amanah (Islam) yang kedua di atas adalah lebih berkait rapat dengan kajian yang sedang dibincangkan. Tujuan utama akad tersebut dilakukan adalah mengenai pelantikan seseorang yang dipercayai untuk melaksanakan sesuatu pengamanahan. Selain itu, kesemua instrumen amanah (Islam) boleh diaplikasikan dalam pentadbiran harta pusaka dan mempunyai hukum-hakam tersendiri (Muhamad, 2015; Said et.al., 2019).

AMANAH (TRUST)

Mekanisme amanah (trust) adalah merujuk sepenuhnya kepada prinsip ekuiti undang-undang Inggeris (common law) melalui peruntukan Akta Sivil 1956. Unsur-unsur ekuiti ini meliputi konsep keadilan yang melibatkan pemindahan hak milik. Ini bertujuan melindungi kepentingan benefisial terhadap harta amanah tersebut. Sebelum tahun 1875, terdapat dua perundangan yang diguna pakai di England iaitu Common Law dan Ekuiti. Pada ketika itu, Raja England iaitu Lord Chancellor diberi kuasa mutlak melibatkan ekuiti di Mahkamah Chancery. Sebarang ketidakadilan di Mahkamah Common Law akan dirujuk kepada Lord Chancellor untuk diadili mengikut budi bicaranya. Namun, kedua-dua perundangan tersebut telah digabungkan melalui Supreme Court of Judicature Act 1873 dan Supreme Court of Judicature Act 1875 (Judicature Act 1873 dan 1875). Hasilnya, sekiranya terdapat percanggahan di antara keduanya, maka konsep ekuiti akan terpakai. Manakala di Malaysia, kedua-dua undang ini terpakai apabila ketiadaan Undang-Undang Adat atau Undang-Undang Tempatan seperti yang dirujuk dalam kes *Choa Choon Neoh v Spottiswoode* [1933] MLJ 276 dan *UMBC & Anor v Pemungut Hasil Tanah, Kota Tinggi* [1984] 2 MLJ 87 (Mary George, 2005, Margo Pierce, 2008).

Sebelum amanah (trust) diwujudkan, hak milik mutlak ke atas pemilikan daripada segi undang-undang dan hak milik ekuiti adalah di bawah tanggungjawab pewasiat. Kebiasaannya, amanah (trust) adalah diwujudkan untuk kepentingan benefisiari sama ada melibatkan harta alih dan tidak alih (El Islamy, 2018). Pemegang amanah yang dilantik bertanggungjawab melaksanakan subjek pengamanahan tersebut, dan kegagalan melaksanakan boleh didakwa atas kesalahan pecah amanah. Oleh kerana itu, semua produk dan perkhidmatan amanah dikawal oleh Akta Syarikat

Amanah 1949 (Akta 208) dan Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100) (Mahmud et.al., 2018).

Mekanisme amanah (trust) berdasarkan Undang-Undang Sivil ini adalah berbeza sama sekali dengan mekanisme amanah (Islam) terutama melibatkan instrumen *wisayah*. Walaupun kedua-duanya adalah berkenaan pelantikan pemegang amanah dalam menguruskan harta amanah, akan tetapi lazimnya *wisayah* adalah berkaitan dengan penjagaan harta minor selepas kematian pewasiat (Asy-Syirbini, 1994). Selain itu, amanah (Islam) berlaku selepas kematian pewasiat manakala amanah (trust) boleh berlaku sewaktu hidup (MPS ARB, 2021). Menurut Nor Muhamad^a (2012), definisi amanah (trust) tidak dinyatakan secara spesifik melainkan takrifnya hanya diketahui melalui penghakiman sesuatu kes di Mahkamah Sivil. Sebagai contoh, rujukan kes *Chin Jhin Thien & Anor v. Chin Huat Yean & Anor* [2020] 7 CLJ 137. Dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan telah mengesahkan Amanah Rahsia (*Secret Trust*) yang telah dibuat adalah sah. Ini berikutan si mati telah membuat amanah (trust) melalui wasiat pada abang kandung si mati untuk tujuan kebajikan isteri dan anak-anaknya yang masih kecil. Melalui kes ini, Mahkamah Rayuan menjelaskan Amanah Rahsia sebagai:


“The law on secret trust was developed to assist the testator’s purported ‘sins’ for just and equitable reason to benefit his ‘genes or acquaintance’ whether lawful or otherwise to provide some form of security to his beloved ones”

Menurut Watt G (2010) bahawa Amanah Rahsia ini memungkinkan seorang pewasiat untuk memindah milik harta selepas kematiannya tanpa pengetahuan benefisiari melalui pelantikan pemegang amanah. Dalam kes di atas, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa Amanah Rahsia berbeza dengan wasiat kerana amanah (trust) yang dilaksanakan adalah di antara pewasiat dan pemegang amanah sahaja bagi kepentingan benefisiari. Walaupun kes di atas melibatkan non-muslim, namun menurut Halim^a (2011) bahawa sebarang pertikaian melibatkan amanah (trust) adalah terpakai juga kepada muslim. Ini dapat dirujuk kepada beberapa keputusan mahkamah seperti dalam kes *TM Feroze Khan & Ors lwn Meera Hussain TM Mohamed Mydin* [2006] 3 CLJ 616, *Wan Naimah v. Wan Mohamad Nawawi* [1974] 1 MLJ 41, dan *Re Man bin Mihat Deed* [1965] 2 MLJ 1. Ketiga-tiga kes yang melibatkan hibah pindah milik harta orang Islam ini telah dibicarakan di

Mahkamah Sivil berbanding keutamaannya sewajarnya adalah dibicarakan di Mahkamah Syariah. Ini kerana, praktis amanah (trust) adalah tertakluk sepenuhnya kepada Undang-Undang Sivil seperti dinyatakan sebelum ini.

KLASIFIKASI AMANAH (TRUST)

Amanah (trust) dapat diklasifikasikan kepada beberapa kategori seperti gambar rajah 1 di bawah (George 2005; Buang 2008; Sharp 2017):



RAJAH 1. Klasifikasi amanah (trust)

Secara umumnya, amanah (trust) dapat diklasifikasikan kepada 3 komponen utama Mary George (2005):

1. Amanah Statutori atau Konstruktif

Amanah (trust) ini terbentuk melalui statut atau peruntukan perundangan. Antara pihak berautoriti dalam pelaksanaan amanah (trust) ini adalah seperti Mahkamah Tinggi, Pejabat Tanah dan ARB. Sebagai contoh, merujuk kepada Seksyen 13(2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) menjelaskan bahawa hakim mempunyai kuasa melantik pemegang amanah ke atas harta kanak-kanak di bawah umur dengan memasukkan kaveat bagi melindungi kepentingan harta tidak alih minor sehingga mencapai umur 18 tahun. Selain itu, merujuk kepada Seksyen 344(2) Akta Kanun Tanah Negara 1965 menjelaskan bahawa:

“Tuanpunya atau tuannya bersama mana-mana tanah bermilik, dan mana-mana orang atau badan dalam siapa mana-mana bahagian atau kepentingan dalam tanah bermilik buat masa itu diletakkan, bolehlah memohon kepada Pendaftar supaya didaftarkan berkenaan dengan tanah, bahagian atau kepentingan itu **“sebagai pemegang amanah”** atau, mengikut mana-mana yang berkenaan **“sebagai pemegang-pemegang amanah”**”

2. Amanah Terus (Express Trust)

Tujuan amanah (trust) ini diwujudkan sama ada mempunyai objektif khusus kepada benefisiari atau objektif umum yang memberi faedah kepada masyarakat. Pelaksanaan amanah (trust) ini boleh wujud dalam pelbagai bentuk seperti Amanah Biasa (Living Trust), Amanah Tetap (Irrevocable Trust), Amanah Tidak Tetap (Revocable Trust), Amanah Perlindungan (Insurance Trust), Amanah Rahsia (Secret/Blind Trust) atau Wasiat (Testamentary Trust).

3. Amanah Khairat (Charitable Trust) atau Amanah Bukan Khairat (Non-Charitable Trust)

Bagi Amanah Khairat, benefisiari adalah melibatkan kepentingan awam seperti kemajuan pendidikan, perkembangan agama, dan membasmi kemiskinan. Objektif penubuhan Amanah Khairat mestilah jelas seperti termaktub dalam Mukadimah Statute of Elizabeth (Charitable Uses Act 1601) walaupun mukadimah tersebut telah dimansuhkan oleh Charities Act 1960. Ini sebagaimana ungkapan Lord Reid:

“..... the appellants must also show that the public benefit is of a kind within the spirit and intendment of the Statute of Elizabeth But in more recent times a wide variety of other objects have come to be recognised as also being charitable.”

Manakala Amanah Bukan Khairat mekanismenya adalah tertumpu kepada benefisiari bukan daripada kalangan manusia seperti melibatkan haiwan, tugu peringatan dan kubur.

OBJEKTIF PENUBUHAN AMANAH (TRUST)

Secara amnya, sesuatu akaun amanah (trust) boleh diwujudkan dengan pelbagai tujuan oleh penderma melalui SIA yang dimeterai bersama pemegang amanah. Menurut Mary George (2005) dan Ibrahim (2021) antara objektif penubuhan amanah (trust) adalah:

1. Sebagai alternatif dan solusi terhadap isu pentadbiran harta pusaka yang berlaku selepas kematian terutama masalah wang tidak dituntut dan isu hartanah terbelenggu.
2. Memudahkan pengurusan harta melalui pelantikan pemegang amanah (trust) terutama ketika wujudnya minor, benefisiari kurang upaya atau benefisiari kurang siaman. Pemegang amanah yang tidak mempunyai sebarang kepentingan peribadi (*conflict of interests*) lebih menjamin pentadbiran harta yang sistematik.
3. Melindungi harta amanah (trust) dan harta pusaka daripada diuruskan dengan tidak cermat oleh pemiutang atau individu yang telah diisytiharkan muflis.
4. Menyatakan arahan kepada pemegang amanah (trust) bagi akaun amanah yang melibatkan sebarang peruntukan keluarga atau pewasiat menerusi amanah statutori.
5. Meningkatkan ekonomi negara seperti mewujudkan Tabung Pencen, Amanah Saham dan Tabung Persatuan Pekerja seperti termaktub dalam Seksyen 47, Akta Kesatuan Pekerja 1959 (Akta 262).
6. Mengawal selia pelaburan melalui Saham Amanah seperti Amanah Saham Berhad (ASB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) atau sebarang bentuk pelaburan komersial. Amanah saham yang dibeli oleh penyumbang akan ditadbir dan dilaburkan oleh syarikat amanah seperti peruntukan di bawah Seksyen 15(1)(e) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 (Akta 498).
7. Melindungi pemiutang daripada diisytiharkan muflis berdasarkan konsep amanah perlindungan.

8. Penubuhan amanah (trust) melalui Tabung Kebajikan atau Amanah Khairat atas tujuan amal bagi manfaat orang ramai. Contohnya SIA untuk pengurusan sekolah-sekolah swasta, pengenalan “public trust” di Amerika Syarikat untuk melindungi kawasan persisiran pantai dan sungai bagi kegunaan orang ramai.
9. Pengurusan dana amanah (trust) bagi manfaat ahli oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO), persatuan atau kelab.
10. Pemberian harta amanah (trust) kepada waris selepas kematian pewasiat melalui *inter vivos* atau wasiat (testamentary trust).
11. Pengurangan liabiliti cukai.

MEKANISME AMANAH (TRUST) DI ARB

Instrumen amanah (trust) dalam pentadbiran harta pusaka adalah salah satu produk utama yang ditawarkan oleh ARB selain wasiat dan pusaka semenjak penubuhannya pada tahun 1921. Pada ketika ini, terdapat 2 jenis akaun amanah (trust) yang ditawarkan kepada pelanggan iaitu Amanah Sukarela (Voluntary Trust) dan Amanah Mandatori (Involuntary Trust). Bagi Amanah Sukarela, pelaksanaannya adalah melalui SIA yang dimeterai di antara 2 pihak iaitu penderma dan pemegang amanah ke atas manfaat benefisiari. Manakala Amanah Mandatori adalah merujuk kepada bentuk pengamanahan yang wujud berdasarkan Seksyen 12(1), Seksyen (20), Seksyen 21 Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta 532) yang menjelaskan fungsi ARB sebagai *Public Trustee* untuk menerima harta amanah dan ditadbir bagi pihak kanak-kanak bawah umur, benefisiari kurang upaya mental dan fizikal, waris tidak ditemui, pengurusan pusaka yang tidak selesai. Harta amanah tersebut diterima daripada pihak ketiga seperti Perintah Pejabat Pusaka Kecil, Perintah Mahkamah Tinggi, Pampasan Tanah, Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen), atau Perintah Pejabat Buruh. Harta amanah (trust) yang diterima akan diisytiharkan oleh ARB melalui dokumen perundangan Perisytiharan Amanah (PA) dan akan ditadbir mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan (Ibrahim, 2021).

Mekanisme amanah (trust) yang di aplikasi di ARB memberi pilihan kepada masyarakat muslim untuk merancang aset yang dimiliki dengan sebaik mungkin. Ini kerana, amanah (trust) mempunyai kriteria utama dalam membantu mengurangkan isu-isu mengenai pentadbiran harta pusaka dan menjaga kepentingan benefisiari. Di antara ciri-ciri utama amanah (trust) adalah tidak melalui proses pusaka yang panjang untuk mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir (Sharp, 2017). Selain itu, harta amanah juga tidak termasuk dalam kategori harta pusaka yang perlu dibahagikan mengikut hukum faraid. Ini dapat dirujuk dalam Seksyen 25(5) Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta 532) yang menyatakan:

Apa-apa pelaburan yang dibuat atas akaun Kumpulan Wang Bersama atau dimasukkan ke dalam akaun pelaburannya **tidaklah** boleh dibuat atau dipegang atas akaun atau **menjadi** kepunyaan mana-mana harta pusaka tertentu.

Merujuk Seksyen 25(5) di atas, penderma dapat memberikan harta yang dimiliki kepada sesiapa sahaja tanpa had tertentu. Ini kerana mekanisme amanah (trust) adalah mirip kepada wasiat non-muslim (Yaacob, 2008). Walaupun terdapat pandangan sarjana yang mengatakan bahawa mekanisme amanah (trust) ini seolah-olah menafikan hukum-hakam faraid, malah terdapat kritikan bahawa berlakunya manipulasi terhadap akad pengamanahan, isu pembatalan akad amanah (trust) secara mutlak oleh pihak penderma setelah penyempurnaan akad, dan isu pindah milik (*Ownership Transfer*) tidak menyerupai instrumen hibah (Halim^a, 2011; Mahmud et.al., 2018). Namun begitu, MPS ARB (2021) berpandangan bahawa adaptasi instrumen fiqh (*takyif fiqhi*) terhadap amanah (trust) adalah menyerupai konsep *wakalah*, tolong menolong (ta'awun) dan maqasid memelihara harta. Malah pelaksanaannya menepati kehendak syariah sepenuhnya selagi mana tidak bertentangan dengan hukum wasiat dan faraid. Perkara yang paling penting adalah, mekanisme amanah (trust)

adalah sesuatu perkara baru yang mungkin tidak ada secara langsung dalam penulisan fiqh mazhab dan mekanismenya memerlukan ijtihad dan garis panduan daripada *fuqaha'* untuk memastikan maqasid pelaksanaannya tercapai (MPS ARB, 2021).

Selain itu, melihat kepada fungsi ARB sebagai sebuah agensi rasmi kerajaan, peranannya sebagai pemegang amanah yang berintegriti dan amanah dalam mengawal selia wang amanah adalah sangat dititik beratkan. Segala proses gerak kerja pengamanahan boleh diaudit untuk kepentingan masyarakat. Ini sebagaimana Laporan Ketua Audit Negara 2019 yang mendedahkan bahawa (Laporan Ketua Audit Negara, 2019):

1. Prestasi dana Kumpulan Wang Bersama (KWB) mengalami kerugian semenjak tahun 2008-2019 dengan jumlah terkumpul RM1.023 bilion.
2. Kadar kos pelaburan melebihi kadar pulangan dari tahun 2016-2018 dan memerlukan jaminan kerajaan.
3. Pencapaian *outcome* berdasarkan prestasi kewangan semakin meningkat daripada 64.8% kepada 96% daripada tahun 2016-2019.
4. Pengurusan pusaka dan amanah (trust) adalah sangat cekap dari tahun 2016-2019 iaitu dengan kadar 87.9% sehingga 98.9%.
5. Pengurusan kes *backlog* amanah (trust) adalah rendah iaitu 2.9%. Ini kerana aktiviti lawatan sosial yang dijalankan adalah berkesan untuk mengenal pasti benefisiari untuk pengeluaran wang amanah.

Justeru, bagi melihat potensi amanah (trust) dalam menyelesaikan isu pentadbiran harta pusaka di Malaysia, penulis telah membuat perbandingan statistik fail amanah (trust) seperti pada jadual 2 dan statistik wasiat yang didaftarkan di ARB pada jadual 3. Kedua-dua statistik tersebut melibatkan masyarakat muslim di Malaysia bermula daripada tahun 2014-2019 seperti berikut:

JADUAL 2. Statistik fail amanah (trust) di ARB dari tahun 2014-2019

No	Akaun Amanah Sukarela	Tahun						Jumlah
		2014	2015	2016	2017	2018	2019	
1	Amanah Biasa (Normal Trust)							
	i. Tunai	39	31	6	19	17	11	23
	ii. Hartanah	12	3	2	4	1	7	29
2	Safecare & Premium Safecare	-	-	-	-	-	-	-
3	Bare trust	12	1	6	1	2	2	24
4	Amanah Institusi (ITA)	2	-	-	-	-	-	1
5	Amanah Kabajikan	2	6	3	3	3	1	18
6	Hibah Amanah	2	8	1	2	2	1	16
7	Deklarasi Hibah	-	-	-	-	1	-	1
8	Edu Care	-	-	-	-	-	-	-
9	Amanah Takaful	-	-	-	-	-	-	-
							Jumlah	212

Sumber: Othman (2021)

Merujuk kepada jadual di atas, statistik Amanah Biasa melibatkan aset tunai dan hartanah mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 152 akaun amanah (trust). Ini diikuti Bare Trust sebanyak 24 akaun amanah (trust). Seterusnya, sebanyak 18 dan 16 akaun amanah (trust) dicatatkan melibatkan Amanah Kebajikan dan Hibah Amanah. Jumlah yang paling sedikit yang dicatatkan adalah bagi akaun Amanah Institusi (ITA) dan Deklarasi Hibah iaitu masing-masing dengan 1 akaun amanah (trust). Manakala akaun amanah Safecare & Premium Safecare, Edu Care dan Amanah Takaful adalah sifar.

JADUAL 3. Statistik pembukaan wasiat dari tahun 2014-2019 di ARB

Tahun	Wasiat Asas	Wasiat Komprehensif
2014	42,043	1,051
2015	32,173	944
2016	20,616	804
2017	10,289	1,012
2018	9,102	802
2019	28,027	538
Jumlah	142,250	5,151

Sumber: Yahya (2021)

Bagi statistik penulisan wasiat di kalangan orang Islam pula seperti dalam jadual 3 di atas, terdapat dua kategori wasiat iaitu Wasiat Asas sebanyak 142,250 wasiat. Manakala Wasiat Komprehensif sebanyak 5,151 wasiat dicatatkan sepanjang 6 tahun tersebut.

Berdasarkan statistik bagi kedua-dua instrumen pentadbiran harta pusaka di ARB di atas, terdapat perbezaan signifikan mengenai jumlah perkhidmatan yang direkodkan. Penulis mendapati bahawa penulisan wasiat lebih mendapat perhatian di kalangan masyarakat muslim bagi tempoh 6 tahun tersebut. Walaupun, terdapat pelbagai jenis produk akaun amanah (trust) ditawarkan dan pengurusannya yang dilaporkan cekap oleh Jabatan Ketua Audit Negara, namun hanya 212 akaun amanah (trust) sahaja dicatatkan. Jumlah ini dilihat lebih rendah berbanding penulisan bagi kedua-dua jenis wasiat di atas iaitu berjumlah 147,401 wasiat. Oleh sebab itu, kajian ini akan menjalankan kaji selidik bagi mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat tentang amanah (trust) sebagai salah satu instrumen dalam pentadbiran harta pusaka.

METODE KAJIAN

REKA BENTUK KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik mengadaptasikan soal selidik yang telah digunakan oleh Sarip et. al., (2018) yang bertajuk “*Tahap Pengetahuan Hibah Hartanah Dalam Perancangan Harta Orang Islam*”. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan penggunaan sampel bertujuan (*purposive sampling*) terhadap responden kajian yang terdiri daripada populasi masyarakat Islam yang berumur 18 tahun ke atas dari negeri Perlis. Borang kaji selidik dalam Bahasa Melayu telah diedarkan secara dalam talian (*google form*) bagi memudahkan semua peringkat umur dan lapisan masyarakat memahaminya.

ALAT PENGUKURAN

Soalan kaji selidik ini mengandungi tiga bahagian utama, iaitu bahagian (a) demografi responden, bahagian (b) kefahaman hukum-hakam amanah (trust) daripada perspektif syariah, dan bahagian (c) kefahaman mengenai konsep pelaksanaan instrumen amanah (trust). Kesemua item yang disediakan dinilai dan diukur dengan menggunakan skala likert “sangat tidak setuju” (1), “tidak setuju” (2), “tidak pasti” (3), “setuju (4), “sangat setuju” (5). Seterusnya, hasil dapatan kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 20 bagi mendapatkan maklumat dalam bentuk kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai.

KAEDAH DATA ANALISIS

Bagi memudahkan data dianalisis dan dibincangkan, penulis menggunakan interpretasi skor min yang dirumuskan oleh Jamil Ahmad (2002) seperti dalam jadual 4 di bawah:

JADUAL 4. Skor min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (2002)

SAIZ SAMPEL KAJIAN

Terdapat pelbagai saiz pemilihan jumlah sampel yang telah ditetapkan oleh para penyelidik dan tiada suatu persetujuan yang bersifat universal telah disepakati di antara mereka. Sebagai contoh, Hair et al., (1995), Hulland et al., (1996) dan Kline (2015) menyatakan bahawa saiz sampel 100 adalah kecil, saiz sampel di antara 100 sehingga 200 adalah sederhana, dan saiz sampel melebihi 200 adalah besar. Manakala menurut Krejcie dan Morgan (1970) penetapan saiz sampel adalah mengikut kesesuaian bilangan populasi untuk mencapai 95% (0.95) aras keyakinan, di mana berkemungkinan hanya 5% (0.05) mengalami kesilapan pensampelan (*sampling error*). Sebaliknya Gay dan Diehl (1992) berpandangan bahawa saiz sampel yang terbaik adalah sebesar-besarnya kerana saiz sampel adalah bersifat representatif, namun begitu bilangan sampel

tersebut adalah bergantung kepada jenis kajian yang dijalankan. Namun, menurut Roscoe (1975), beliau berpendapat bahawa saiz sampel yang ideal adalah lebih daripada 30 dan kurang daripada 500.

Oleh sebab itu, bagi mencapai objektif kajian, penyelidik telah menjalankan kaji selidik secara atas talian (*google form*) dengan bilangan saiz sampel adalah sebanyak 150 orang responden. Berdasarkan Statistik Perangkaan Malaysia, jumlah populasi masyarakat Islam terkini bagi masyarakat muslim Perlis sehingga tahun 2010 adalah berjumlah 203,541 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Pemilihan sampel kajian hanya tertumpu kepada populasi masyarakat Islam di Perlis yang berumur 18 tahun ke atas kerana pada takat umur ini dikira sebagai umur dewasa untuk menjalankan sebarang transaksi pindah milik seperti termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). Soal selidik ini telah dijalankan bermula dari bulan Disember 2020 hingga Jun 2021. Dalam tempoh tersebut sebanyak 159 bilangan responden telah memberikan maklum balas dan jumlah ini adalah melebihi daripada saiz sampel sebenar iaitu 150 orang sahaja.

ANALISIS TAHAP PENGETAHUAN TERHADAP HIBAH HARTANAH

ANALISIS KEBOLEHPERCAYAAN ITEM

Semua item yang terlibat bagi kedua-dua konstruk iaitu kefahaman hukum-hakam amanah (trust) daripada perspektif syariah dan kefahaman konsep pelaksanaan instrumen amanah (trust) telah menjalani ujian kebolehppercayaan (Cronbach Alpha). Sekaran (2003) menjelaskan bahawa, nilai Cronbach Alfa di bawah 6.0 adalah rendah, bacaan nilai 0.70 adalah tinggi dan diterima, manakala bacaan nilai 0.80 ke atas adalah sangat baik. Hasil analisis tersebut, kedua-dua konstruk tersebut mencapai nilai kebolehppercayaan yang tinggi bagi item yang dibina seperti jadual 5 di bawah:

JADUAL 5. Nilai Cronbach Alfa

Konstruk	Nilai Cronbach Alfa	Bilangan item
Kefahaman hukum-hukum amanah (trust) daripada perspektif syariah	.624	14
Kefahaman konsep pelaksanaan instrumen amanah (trust)	.730	12

MAKLUMAT DEMOGRAFI

Sejumlah 150 orang responden beragama Islam yang berumur 18 tahun ke atas telah menyertai kaji selidik yang telah dijalankan ini. Profil responden dianalisis secara deskriptif berdasarkan jantina, umur, status perkahwinan, status anak, jenis pekerjaan, tahap pendidikan, dan pendapatan. Kajian ini telah melibatkan sebanyak 88 lelaki (58.7%) dan 62 perempuan (41.3%) seperti dirujuk dalam jadual 6.

JADUAL 6. Taburan jantina responden

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	88	58.7
Perempuan	62	41.3
Jumlah	150	100.0

Jadual 7 di bawah menjelaskan taburan umur responden iaitu seramai 60 orang responden (40%) berumur 18-30 tahun dan ini mencatatkan jumlah yang tertinggi. Manakala di tempat kedua adalah responden yang berumur 31-40 tahun berjumlah 53 orang (35.3%). Seterusnya adalah responden yang berumur 51 - 60 tahun dan 41 - 50 tahun kedua-duanya mencatatkan bilangan 18 orang responden (12%) dan 15 orang responden (10%). Manakala yang terakhir dan merupakan taburan umur yang paling sedikit adalah responden yang berumur 61 tahun ke atas dengan jumlah 4 orang responden (2.7%).

JADUAL 7. Taburan umur responden

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
18 - 30 tahun	60	40.0
31 - 40 tahun	53	35.3
41 - 50 tahun	15	10.0
51 - 60 tahun	18	12.0
61 tahun ke atas	4	2.7
Jumlah	150	100.0

Jadual 8, menerangkan status perkahwinan setiap responden yang terlibat. Jumlah paling tinggi dicatatkan adalah golongan yang telah berkahwin iaitu sejumlah 104 orang responden (69.3%). Kedua adalah seramai 41 orang responden (27.3%) yang terdiri daripada mereka yang masih bujang. Turut dicatatkan adalah ibu tunggal berjumlah 4 orang responden (2.7%) dan seorang responden (0.7%) berstatus lain-lain.

JADUAL 8. Status perkahwinan responden

Perkahwinan	Kekerapan	Peratus (%)
Bujang	41	27.3
Berkahwin	104	69.3
Ibu Tunggal	4	2.7
Lain-lain	1	0.7
Jumlah	150	100.0

Bagi Jadual 9 pula, bilangan responden yang memiliki bilangan anak berumur 18 tahun ke bawah mencatatkan jumlah tertinggi iaitu seramai 64 orang (42.7%). Manakala di kedudukan kedua adalah mereka yang tiada anak iaitu seramai 54 orang (36.0%). Di tangga ketiga pula adalah mereka yang mempunyai anak berumur 18 tahun ke atas iaitu seramai 19 orang (12.7%). Seterusnya seramai 11 orang responden (7.3%) dicatatkan mempunyai anak berumur 18 tahun ke bawah & anak berumur 18 tahun ke atas, dan yang terakhir iaitu jumlah paling sedikit adalah responden yang mempunyai anak berumur 18 tahun ke bawah & anak kurang upaya (OKU), dan anak angkat dengan masing-masing merekodkan 1 orang sahaja (0.7%).

JADUAL 9. Status anak responden

Anak	Kekerapan	Peratus (%)
Anak berumur 18 tahun ke bawah	64	42.7
Anak berumur 18 tahun ke atas	19	12.7
Anak berumur 18 tahun ke bawah & Anak berumur 18 tahun ke atas	11	7.3
Anak berumur 18 tahun ke bawah & Anak kurang upaya (OKU)	1	0.7
Anak angkat	1	0.7
Tiada anak	54	36.0
Jumlah	150	100.0

Seterusnya pada jadual 10 menerangkan status pekerjaan responden. Sektor swasta adalah paling tinggi dicatatkan iaitu sebanyak 52 orang (34.7%) kemudian diikuti oleh kakitangan kerajaan sebanyak 51 orang (34.0%). Terdapat juga responden yang terdiri daripada kalangan pelajar iaitu sebanyak 22 orang (14.7%) dan suri rumah 10 orang (6.7%). Seterusnya terdapat dua status pekerjaan yang menunjukkan bilangan responden yang sama iaitu golongan pesara dan bekerja sendiri, masing-masing mencatatkan bilangan responden sebanyak 7 orang (4.7%). Baki yang terakhir adalah lain-lain iaitu sebanyak 1 orang (0.7%)

JADUAL 10. Status pekerjaan responden

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus (%)
Kakitangan Kerajaan	51	34.0
Swasta	52	34.7
Suri Rumah	10	6.7
Sendiri	7	4.7
Pelajar	22	14.7
Pesara	7	4.7
Lain-lain	1	0.7
Jumlah	150	100.0

Manakala Jadual 11 menerangkan tahap pendidikan setiap responden. Statistik paling tinggi dicatatkan adalah melibatkan Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 69 orang (46.0%), Ijazah Sarjana iaitu sebanyak 31 orang (20.7%), seterusnya adalah STPM/STAM/Diploma iaitu seramai 26 orang (17.3%). Bagi tahap pendidikan PMR/SPM/O-Level/ Sijil pula, bilangan responden yang terlibat adalah sebanyak 20 orang (13.3%). Selain itu, terdapat juga responden yang memiliki Kelulusan Profesional yang dicatatkan iaitu sebanyak 3 orang (2.0%) dan PhD adalah 1 orang (0.7%).

JADUAL 11. Tahap pendidikan responden

Pendidikan	Kekerapan	Peratus (%)
PMR/ SPM/ O-Level/ Sijil	20	13.3
STPM/ STAM/ Diploma	26	17.3
Sarjana Muda	69	46.0
Sarjana	31	20.7
PhD	1	0.7
Kelulusan Profesional	3	2.0

Jumlah	150	100.0
--------	-----	-------

Jadual 12 iaitu yang terakhir, jumlah pendapatan tertinggi bagi responden yang dicatatkan adalah sebanyak RM3,001- RM5,000 iaitu melibatkan 36 orang (24.0%). Jumlah kedua tertinggi adalah pendapatan sebanyak RM2,001- RM3,000 iaitu mewakili 34 orang (22.7%). Seterusnya seramai 26 orang (17.3%) mempunyai pendapatan di antara RM5,001- RM10,000 sebaliknya jumlah mereka yang direkodkan tidak mempunyai sebarang pendapatan adalah sebanyak 24 orang (16.0%). Berikutnya, terdapat 14 orang (9.3%) mempunyai pendapatan RM1,000 ke bawah, manakala bagi jumlah pendapatan di antara RM1,001- RM2,000 hanya merekodkan sebanyak 13 orang (8.7%). Terakhir adalah mereka yang berpendapatan RM10,000 ke atas iaitu seramai 3 orang sahaja (2.0%).

JADUAL 12. Tahap pendapatan responden

Pendapatan	Kekerapan	Peratus (%)
RM1,000 ke bawah	14	9.3
RM1,001 - RM2,000	13	8.7
RM2,001 - RM3,000	34	22.7
RM3,001 - RM5,000	36	24.0
RM5,001 - RM10,000	26	17.3
RM10,000 ke atas	3	2.0
Tiada Pendapatan	24	16.0
Jumlah	150	100.0

DAPATAN ANALISIS KEFAHAMAN HUKUM-HAKAM AMANAH (TRUST) DARIPADA PERSPEKTIF SYARIAH

Hasil dapatan kajian dijelaskan dalam jadual 13 seperti di bawah. Secara keseluruhan, responden mempunyai tahap kefahaman yang sederhana terhadap kefahaman hukum-hakam amanah (trust) daripada perspektif syariah. Ini terbukti melalui interpretasi skor min yang diperoleh iaitu sebanyak 3.66 (s. p=.47).

JADUAL 13. Kefahaman Hukum-Hakam Amanah (Trust) Daripada Perspektif Syariah

Bil	Pemboleh ubah	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min	S.P
1	Instrumen amanah (trust) adalah salah satu instrumen perancangan harta pusaka bagi orang Islam.	3 2%	2 1.3%	24 16%	35 23.3%	86 57.3%	4.33	.930
2	Hukum pelaksanaan instrumen amanah (trust) adalah harus.	1 0.7%	4 2.7%	28 18.7%	47 31.3%	70 46.7%	4.21	.885
3	Harta amanah boleh diberikan kepada sesiapa sahaja seperti anak angkat, orang bukan Islam, institusi keagamaan dan pusat kebajikan.	28 18.7%	14 9.3%	25 16.7%	31 20.7%	52 34.7%	3.43	1.504
4	Harta amanah boleh diberi kepada ahli keluarga yang berhak menerima bahagian faraid.	4 2.7%	5 3.3%	20 13.3%	40 26.7%	81 54%	4.26	.993
5	Harta amanah tidak tertakluk kepada hukum faraid.	21 14%	8 5.3%	40 26.7%	33 22%	48 32%	3.53	1.360
6	Harta amanah yang tidak tertakluk kepada hukum faraid dapat mempercepatkan pengurusan harta pusaka selepas kematian.	9 6%	6 4%	30 20%	44 29.3%	61 40.7%	3.95	1.146
7	Instrumen amanah (trust) boleh dibatalkan oleh penderma pada bila-bila masa sahaja selepas pelaksanaannya dilakukan.	10 6.7%	5 3.3%	43 28.7%	39 26%	53 35.3%	3.80	1.159
8	Instrumen amanah (trust) adalah sama seperti wasiat.	49 32.7%	29 19.3%	32 21.3%	18 12%	22 14.7%	2.57	1.426
9	Instrumen amanah (trust) adalah sama seperti hibah.	43 28.7%	34 22.7%	48 32%	14 9.3%	11 7.3%	2.44	1.207
10	Pemberian harta amanah kepada penerima (benefisiari) adalah terhad kepada 1/3 sahaja.	31 20.7%	21 14%	61 40.7%	11 7.3%	26 17.3%	2.87	1.314
11	Pelaksanaan instrumen amanah (trust) adalah memenuhi tuntutan Maqasid Syariah.	1 0.7%	4 2.7%	35 23.3%	55 36.7%	55 36.7%	4.06	.876
12	Harta amanah boleh digunakan oleh penjaga untuk kepentingan dan manfaat penerima (benefisiari).	8 5.3%	2 1.3%	24 16%	50 33.3%	66 44%	4.09	1.064
13	Instrumen amanah (trust) melibatkan orang Islam dan orang bukan Islam.	8 5.3%	5 3.3%	47 31.3%	36 24%	54 36%	3.82	1.124
14	Instrumen amanah (trust) boleh dilaksanakan ketika pemilik harta sedang sakit mati selagi masih waras.	8 5.3%	4 2.7%	33 22%	49 32.7%	56 37.3%	3.94	1.088
Keseluruhan							3.66	.47

Setiap pemboleh ubah yang terdapat dalam kaji selidik mempunyai nilai skor min tersendiri. Merujuk kepada pemboleh ubah 1, item tersebut adalah berkenaan instrumen amanah (trust) sebagai perancangan harta pusaka. Skor min yang diperoleh adalah tinggi iaitu 4.33 (s. p=.930). Hal ini menunjukkan bahawa responden mengetahui bahawa amanah (trust) adalah salah satu instrumen perancangan harta pusaka bagi orang Islam selain faraid, wasiat, pusaka, hibah, sedekah, wakaf dan lain-lain (Nor Muhamad^b, 2017) makalah ini memfokuskan kepada situasi pewarisan harta yang perlu kepada wasiat dan sudut pelaksanaannya. Negeri Selangor sebagai negeri pertama di Malaysia yang melulus dan melaksanakan undang-undang wasiat dijadikan sebagai rujukan. Skop makalah ini dihadkan kepada peranan Majlis Agama Islam Selangor dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan wasiat yang berpandukan Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor. Seterusnya pemboleh ubah 2 adalah berkenaan hukum pelaksanaan amanah (trust). Skor min yang diperoleh adalah 4.21 (s. p=.885). Ini menunjukkan bahawa responden berpengetahuan tinggi dan bersetuju bahawa hukum pelaksanaan instrumen amanah (trust) adalah harus untuk melindungi harta dan benefisiari yang akan ditinggalkan. Ini bertepatan dengan kaedah *jumhur fuqaha* daripada Mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali bahawa “*Sesuatu akad dalam muamalat adalah harus dan sah, tidak menjadi haram dan terbatal sehinggalah terdapat dalil pengharaman ke atas pelaksanaannya*” (al-Imrani, 2010). Namun begitu pelaksanaannya tetap memerlukan kepada garis panduan agar tidak termasuk dalam perkara riba, al-gharar, al-maisir dan eksploitasi ke atas harta amanah (trust) (MPS ARB, 2021).

Bagi pemboleh ubah 3, kaji selidik adalah mengenai benefisiari amanah (trust). Skor min yang diperoleh adalah 3.43 (s. p=1.504) dan ini menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang sederhana berkenaan perkara tersebut. Responden berkemungkinan tidak mengetahui bahawa benefisiari amanah (trust) sama seperti penerima hibah yang boleh terdiri daripada sesiapa sahaja termasuk ahli waris yang mewarisi secara faraid (Asy-Syaukani, 1993). Penderma boleh memberikan harta amanah kepada sesiapa yang dikehendaki dengan syarat harta tersebut adalah miliknya secara pemilikan sempurna (*milk at-tam*).

Seterusnya pemboleh ubah 4, 5 dan 6 adalah untuk menguji kefahaman responden mengenai hubung kait antara amanah (trust) dan faraid. Bagi skor min pemboleh ubah 4 dan 6 kedua-duanya

adalah tinggi iaitu 4.26 (s. p=.993) dan 3.95 (s. p=1.146). Responden bersetuju bahawa harta amanah (trust) boleh diberi kepada ahli keluarga yang berhak menerima bahagian faraid. Di samping itu, proses pengurusan harta pusaka akan menjadi lebih cepat kerana instrumen amanah (trust) tidak memerlukan kepada sijil faraid dan Surat Kuasa Mentadbir. Justeru, harta amanah (trust) dapat dipindah milik sewaktu hidup kepada benefisiari. Ini sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 25(5), Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532). Namun begitu, bagi pemboleh ubah 5, jawapan responden adalah tidak konsisten. Ini terbukti berdasarkan skor min yang diperoleh adalah pada tahap sederhana iaitu 3.53 (s. p=1.360).

Pemboleh ubah 7 adalah berkenaan pembatalan amanah (trust) selepas penyempurnaan akad antara kedua-dua pihak iaitu penderma dan pemegang amanah. Responden dilihat mempunyai pengetahuan yang tinggi dengan nilai skor min adalah 3.80 (s= p.1.159). Dapatan ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh (Halim^b & Bustami, 2017; Mahmud et.al., 2018) yang menyatakan mengenai isu pembatalan akad amanah (trust) oleh kedua-dua pihak selepas akad. Dapatan ini juga bertepatan dengan SIA ARB pada klausa enam seperti berikut: “*Penderma berhak pada masa hayat beliau memutus untuk membubarkan Suratikatan Amanah ini dan memindahkan balik Harta Amanah ini kepada beliau tertakluk kepada notis bertulis tidak kurang daripada 14 hari diberi kepada Pemegang Amanah menyatakan hasrat Penderma demikian*”.

Pemboleh ubah 8 dan 10 adalah mengenai perbezaan antara amanah (trust) dan wasiat. Skor min yang diperoleh responden bagi kedua-dua pemboleh ubah adalah sederhana iaitu 2.57 (s. p=1.426) dan 2.87 (s. p=1.314). Penulis mendapati bahawa responden berkemungkinan keliru mengenai kedua-dua instrumen tersebut. Terdapat perbezaan yang signifikan di antara amanah (trust) dan wasiat seperti kajian yang dilakukan oleh (Abdullah^b et al., 2020; Abdullah^c et al., 2021). Di antara perbezaan utama adalah: Sumber perundangan amanah (trust) adalah merujuk sepenuhnya kepada prinsip ekuiti Undang-Undang Inggeris (common law) melalui peruntukan Akta Sivil 1956. Manakala wasiat bersumberkan kepada perundangan Islam (al-Quran dan as-Sunnah). Manakala daripada segi rukun dan syarat, elemen amanah (trust) adalah terdiri daripada penderma, pemegang amanah, benefisiari, harta amanah, SIA. Manakala rukun wasiat adalah pewasiat (musi), penerima (musa lahu), harta (musa fih), sighah (ijab dan qabul).

Pemberian harta amanah (trust) tidak terhad kepada 1/3 seperti wasiat, amanah (trust) boleh diberi kepada sesiapa sahaja termasuk ahli waris tanpa mendapatkan persetujuan mereka, pelaksanaan amanah (trust) boleh berlaku sewaktu hayat atau selepas kematian penderma manakala pelaksanaan wasiat selepas kematian pewasiat, harta amanah (trust) tidak termasuk dalam kategori harta faraid tidak seperti wasiat, amanah (trust) berpotensi untuk pelaksanaan harta bercagar berbanding wasiat.

Selain itu, menurut Mary George (2005) amanah (trust) boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu Amanah Statutori atau Amanah Konstruktif, kedua adalah Amanah Terus, ketiga adalah amanah khairat (charitable trusts) dan bukan khairat (non-charitable trusts). Manakala wasiat terbahagi kepada wasiat mutlak, wasiat bersyarat dan wasiat wajibah (Asy-Syafie, 1990; Az-zuhaily, 2011).

Pemboleh ubah 9 adalah mengenai perbezaan antara amanah (trust) dan hibah. Skor min yang diperoleh adalah 2.44 (s. p=1.207). Dapatan analisis menunjukkan bahawa pengetahuan responden adalah di tahap sederhana. Kekeliruan mungkin timbul kerana pelaksanaan hibah pada masa kini boleh dilaksanakan secara hybrid. Hybrid bermaksud beberapa prinsip kontrak yang digabungkan dalam satu akad seperti yang digariskan oleh bank negara. Oleh sebab itu wujudnya produk yang multi variasi seperti pelaksanaan “hibah amanah” dan “amanah takaful” yang dilaksanakan di institusi pengamanahan. Inovasi ini timbul untuk memenuhi tuntutan pelanggan disebabkan oleh perkembangan kewangan islam dan industri perancangan harta pusaka untuk bersaing dengan produk konvensional. (Zulkepli & Bustami, 2019; Yunus et al., 2016). Hibah pada dasarnya adalah satu pemberian kasih sayang secara terus kepada benefisiari seperti pindah milik hartanah yang dilakukan melalui Borang 14A di Pejabat Tanah atau pemberian harta alih terus kepada penerima. Setelah berlakunya *qabad* di pihak penerima, maka penghibah tidak lagi memiliki kuasa mutlak (*tasarruf*) ke atas harta tersebut. Namun, dengan wujudnya produk melalui instrumen amanah (trust) seperti hibah amanah dan hibah bersyarat (*berta'liq*), penghibah masih mempunyai kuasa untuk menikmati hasil manfaat ke atas harta tersebut dan merancang bentuk manfaat yang bakal diterima oleh penerima berdasarkan SIA yang telah dimeterai (Ahmad & Borhan, 2017).

Seterusnya pengetahuan mengenai maqasid syariah diukur pada pemboleh ubah 11. Dalam konteks ini, responden bersetuju bahawa amanah

(trust) memenuhi tuntutan maqasid syariah. Ini terbukti melalui nilai skor min yang tinggi iaitu 4.06 (s. p=.876). Menurut Al-Ghazali (1993), maqasid syariah meliputi perkara *al-kulliyah al-khamsah* seperti menjaga agama (*hifz ad-din*), menjaga nyawa (*hifz an-nafs*), menjaga akal (*hifz al-qal*), dan menjaga keturunan (*hifz an-nasl*), menjaga harta (*hifz al-mal*). Penjagaan harta tidak hanya dengan cara mengumpul, mengurus, melaburkan, membelanjakan, membahagikan, dan menginfakkannya. Malah semua tindakan yang memenuhi *masalahah* adalah meliputi maqasid syariah. Oleh sebab itu, penulis melihat bahawa perancangan harta di peringkat awal adalah satu galakan untuk membuat amal kebajikan dan menjaga kepentingan benefisiari selepas kematian. Ini bertepatan dengan saranan Baginda SAW “*Sesungguhnya kamu meninggalkan ahli keluarga kamu dengan bekalan harta yang mencukupi adalah lebih daripada kamu meninggalkan mereka dalam keadaan meminta-minta*” (Al-Bukhari, 2000).

Pemboleh ubah 12 pula adalah mengenai garis panduan penjaga dalam menggunakan harta amanah benefisiari. Nilai skor min adalah tinggi iaitu 4.09 (s. p=1.064). Responden bersetuju bahawa penjaga boleh menggunakan harta amanah benefisiari tetapi dengan syarat penggunaan tersebut adalah untuk manfaat benefisiari sahaja. Menurut Abu Bakar (2021), terdapat kes di mana ARB telah menerima tuntutan puluhan ribu ringgit daripada penjaga bagi pembelian alatan perubatan dan kenderaan MPV dengan alasan bagi menjaga kepentingan benefisiari yang telah uzur. Bagi pembelian alatan perubatan perlu mendapat pengesahan doktor pakar sebelum sebut harga dibuat, manakala bagi kenderaan MPV telah menimbulkan keraguan. Ini kerana, masalah yang akan timbul adalah mengenai siapakah pemilik berdaftar kenderaan tersebut. Sekiranya kenderaan tersebut didaftarkan atas nama penjaga dan benefisiari meninggal dunia, kenderaan tersebut akan menjadi harta pusaka beliau. Oleh kerana itu, ARB selaku wasi telah mengambil tindakan sewajarnya dengan membuat siasatan menyeluruh sebelum sesuatu permohonan nafkah diluluskan.

Pemboleh ubah 13 adalah mengenai penderma yang terdiri sama ada muslim atau non-muslim. Skor min yang diperoleh adalah 3.82 (s. p=1.124). Walaupun amanah (trust) adalah salah satu perancangan harta yang berteraskan kepada Undang-Undang Sivill, namun responden bersetuju bahawa pelaksanaannya tidak terhad kepada non-muslim sahaja. Ini menunjukkan responden berpengetahuan tinggi dalam konteks ini.

Pemboleh ubah yang terakhir adalah pemboleh ubah 14 iaitu mengenai pemberian amanah (trust) sewaktu sakit mati (*maradh al-mawt*). Skor min yang diperoleh adalah tinggi iaitu 3.94 (s. p=1.088). Hasil kaji selidik yang diperoleh responden bersetuju bahawa pemberian amanah (trust) adalah sah sewaktu *maradh al-mawt* dengan syarat penderma adalah masih waras. Ini berdasarkan kepada kaedah fiqh الكتاب كالخطاب yang bermaksud “*penulisan adalah sama seperti ucapan (dalam menzahirkan niat di hati)*” (Az-Zarqa, 1989). Terdapat pelbagai definisi *maradh al-mawt* di sisi fuqaha’ di antaranya menurut (Ibnu Abidin, 1992) *maradh al-mawt* adalah suatu penyakit yang menyebabkan berlakunya kematian. Definisi ini diperincikan lagi oleh Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 sesuatu penyakit *maradh al-mawt* itu mestilah memenuhi syarat bahawa lazimnya akan menyebabkan kematian, menimbulkan kebimbangan kepada pesakit sehingga menghilangkan kewarasan akal, terdapat simptom luaran yang membuktikan penyakit tersebut adalah serius, dan penderitaan disebabkan penyakit itu berlarutan tidak lebih setahun.

Transaksi pemindahan harta amanah (trust) sewaktu penderma *maradh al-mawt* tidak dibahaskan oleh para fuqaha. Ini kerana amanah (trust) adalah instrumen pengamanahan terkini (*mustajaddah*) yang tidak dibahaskan dalam mana-mana kitab fiqh (MPS ARB, 2021). Mekanisme amanah (trust) adalah mirip kepada hibah dalam konteks pindah milik harta. Oleh itu, konteks perbahasan *maradh al-mawt* boleh dirujuk dalam kes *Mahdi bin Ab. Hamid*

lwn Mohamad Iqwan bin Yahaya (Kes Saman No. 10400-044-0171-2009). Dalam kes ini, Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor pada 29 Mei 2015 telah memutuskan bahawa hibah yang dibuat oleh si mati akibat strok di hospital adalah sah kerana masih sempurna akal (Mahamood, 2017). Perkara yang sama turut disahkan oleh Abu Bakar (2021) bahawa terdapat seorang penderma di ARB yang telah menghidap kanser tahap empat. Selepas penyempurnaan akad amanah (trust) melalui SIA, keesokan harinya beliau telah meninggal dunia. Ini membuktikan, pelaksanaan amanah (trust) adalah sah dengan syarat sempurna akal. Berbeza dalam kes *Abdul Walid bin Dato Hj Abdul Rahim Gulam Rasool Shaikh & Ors lwn Syariah Bibi binti Ibrahim Mysoory & Ors 2 MLJ 211*. Mahkamah telah mengesahkan hibah sewaktu *maradh al-mawt* adalah tidak sah kerana pesakit dalam keadaan tidak waras (Fattah et al., 2021).

DAPATAN ANALISIS KEFAHAMAN MENGENAI KONSEP PELAKSANAAN INSTRUMEN AMANAH (TRUST)

Hasil dapatan kajian dijelaskan dalam Jadual 14 seperti di bawah. Secara keseluruhan, responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap tahap kefahaman mengenai konsep pelaksanaan instrumen amanah (trust). Ini terbukti melalui interpretasi skor min yang diperoleh iaitu sebanyak 3.89 (s. p=.51).

JADUAL 14. Tahap Kefahaman Mengenai Konsep Pelaksanaan Instrumen Amanah (Trust)

Bil	Pemboleh ubah	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min	s.p
1	Konsep pelaksanaan instrumen amanah (trust) adalah berteraskan kepada Undang-Undang Sivil.	13 8.7%	9 6%	61 40.7%	37 24.7%	30 20%	3.41	1.136
2	Konsep pelaksanaan instrumen amanah (trust) menyerupai konsep pengamanahan dalam Islam.		2 1.3%	49 32.7%	43 28.7%	56 37.3%	4.02	.871
3	Tujuan amanah (trust) dilaksanakan adalah untuk melindungi penerima (benefisiari) dan memudahkan urusan pentadbiran harta pusaka.		1 0.7%	26 17.3%	50 33.3%	73 48.7%	4.30	.775
4	Akaun amanah (trust) boleh diwujudkan dengan pelbagai objektif untuk kepentingan penerima (benefisiari) seperti tujuan kebajikan, pendidikan, pelaburan dan perubatan.	2 1.3%		22 14.7%	40 26.7%	86 57.3%	4.39	.834

bersambung...

...sambungan

5	Pelaksanaan instrumen amanah (trust) boleh berlaku sewaktu hayat penderma.	7 4.7%	5 3.3%	30 20%	41 27.3%	67 44.7%	4.04	1.098
6	Pelaksanaan instrumen amanah (trust) boleh berlaku selepas kematian penderma.	16 10.7%	10 6.7%	35 23.3%	35 23.3%	54 36%	3.67	1.313
7	Pelantikan pemegang amanah awam (<i>public trustee</i>) adalah lebih terjamin berbanding pelantikan pemegang amanah individu.	10 6.7%	4 2.7%	34 22.7%	32 21.3%	70 46.7%	3.99	1.187
8	Pemegang amanah bertanggungjawab melaksanakan hajat penderma mengikut terma dan syarat di dalam Surat Ikatan Amanah.			21 14%	33 22%	96 64%	4.50	.730
9	Konsep amanah (trust) terdiri dari 5 elemen utama: penderma (donor), penerima (benefisiari), pemegang amanah (trustee), harta amanah dan Surat Ikatan Amanah.			32 21.3%	38 25.3%	80 53.3%	4.32	.805
10	Sebarang masalah mengenai instrumen amanah (trust) boleh dirujuk di Mahkamah Syariah.	51 34%	19 12.70%	62 41.3%	8 5.30%	10 6.70%	2.38	1.197
11	Sebarang masalah mengenai instrumen amanah (trust) boleh dirujuk di Mahkamah Sivil.	14 9.3%	8 5.3%	62 41.3%	27 18%	39 26%	3.46	1.202
12	Harta yang boleh diamanahkan adalah harta alih (wang tunai, saham, emas dsb) dan harta tidak alih (tanah dan rumah).	2 1.3%	2 1.3%	33 22%	39 26%	74 49.3%	4.21	.922
keseluruhan							3.89	.51

Item-item pada bahagian B ini adalah mengukur tahap kefahaman responden mengenai konsep pelaksanaan amanah (trust). Pemboleh ubah 1 adalah berkenaan amanah (trust) yang berteraskan Undang-Undang Sivil. Skor min yang diperolehi adalah pada tahap sederhana iaitu 3.41 (s. $p=1.136$). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden masih tidak jelas akan sumber perundangan amanah (trust). Dapatan ini juga ada selari dengan dapatan analisis kefahaman hukum-hakam amanah (trust) daripada perspektif syariah yang melibatkan kefahaman yang sederhana pada pemboleh ubah 8, 9, 10 yang lepas. Pemboleh ubah 2 adalah mengenai konsep pelaksanaan instrumen amanah (trust) yang menyerupai konsep pengamanahan dalam Islam. Skor min yang diperolehi adalah tinggi iaitu 4.02 (s. $p=.871$). Menurut Muhamad (2006) konsep amanah (trust) pada hari ini adalah tidak boleh dijadikan sandaran kepada pelaksanaan mengikut perundangan Islam. Ini kerana, perundangan tersebut telah digubal mengikut perundangan sivil sepenuhnya. Namun begitu, menurut Said et.al (2019), amanah dalam Islam boleh wujud dalam

pelbagai bentuk dan tiada terma khusus yang merangkumi rukun dan syarat-syarat tertentu. Pelaksanaannya adalah meluas berdasarkan akad yang terlaksana. Pandangan ini adalah selari dengan pandangan MPS ARB terhadap adaptasi instrumen fiqh (*takyif fiqhi*) bahawa amanah (trust) hampir kepada konsep *wakalah* dan *mutawalli* harta wakaf, serta atas dasar tolong menolong (*ta'awun*) dan maqasid memelihara harta. Amanah (trust) juga boleh merujuk kepada konsep Nazir Baitulmal yang menjaga kepentingan harta orang Islam. Begitu juga boleh dipetik daripada konsep amanah (trust) atau *amin* kepada penjagaan harta luqatah serta status *murtahin* terhadap barangan *marhun*. Ini juga termasuk penjagaan barangan jualan yang belum diambil oleh pembeli dan masih berada di tangan penjual yang berstatus amanah. Namun apa yang paling mustahak pelaksanaannya tidak melanggar atau bertentangan dengan mana-mana larangan hukum syarak secara jelas terutama hukum yang berkaitan dengan wasiat dan faraid (MPS ARB, 2021). Penulis juga melihat konsep amanah (trust) ini adalah mirip kepada konsep wakaf yang melantik

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah (*sole trustee*) untuk aset-aset orang Islam. Namun begitu, apabila sesuatu aset telah diwakafkan, maka pewakaf telah kehilangan hak pemilikan ke atas harta wakaf tersebut dan ini berbeza sama sekali dengan harta amanah (trust). Harta amanah (trust) masih boleh ditarik balik, dimanfaatkan oleh penderma, dan penderma bebas mengubah objektif penubuhan akaun amanah (trust).

Pemboleh ubah 3 dan 4 adalah mengenai tujuan amanah (trust) dilaksanakan. Skor min yang diperoleh kedua-dua adalah tinggi iaitu masing-masing mencapai nilai 4.30 (s. $p=.775$) 4.39 (s. $p=.834$). Responden dilihat mempunyai pengetahuan yang tinggi. Dapatan kaji selidik ini turut bertepatan dengan SIA ARB pada klausa dua seperti berikut: "*Penderma telah bersetuju bahawa Harta Amanah seperti di jadual 'A' yang diamanahkan kepada Pemegang Amanah adalah untuk kepentingan Benefisiari di dalam jadual 'B' bagi tujuan nafkah, pendidikan atau bayaran untuk kepentingan Benefisiari.*" Berdasarkan objektif penubuhan amanah (trust) yang pelbagai ini dapat memberi manfaat kepada benefisiari. Sebagai contoh, penjaga boleh mewujudkan akaun amanah untuk manfaat anak Orang Kurang Upaya (OKU). Ini bagi menjamin lawatan berkala, program *outreach*, sumber pendidikan, kewangan, penjagaan makan dan minum, bantuan alat pemulihan, kediaman mudah akses agar lebih terjamin selepas kematian penjaga (Amin et al., 2016).

Pemboleh ubah 5 dan 6 adalah mengenai waktu pelaksanaan amanah (trust). Skor min yang diperoleh adalah tinggi iaitu 4.04 (s. $p=1.098$) dan 3.67 (s. $p=1.313$). Responden mengetahui bahawa amanah (trust) dapat dilaksanakan sewaktu hayat penderma dan selepas kematiannya.

Pemboleh ubah 7 adalah mengenai kelebihan pelantikan *public trustee* berbanding pelantikan pemegang amanah individu. Skor min adalah tinggi iaitu 3.99 (s. $p=1.187$). Responden bersetuju bahawa *public trustee* yang dilantik sebagai pemegang amanah untuk menguruskan harta amanah (trust) tidak mempunyai sebarang kepentingan. Sebaliknya, pelantikan pemegang amanah daripada kalangan individu untuk menguruskan harta amanah (trust) melibatkan benefisiari bawah umur berkemungkinan mengundang pelbagai implikasi seperti pecah amanah, pengabaian nafkah dan tanggungjawab (Yusof, 2011). Ini terbukti melalui statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat tahun 2019, sebanyak 6382 kes

direkodkan mengenai pelbagai sebab penganiayaan kanak-kanak melibatkan emosi, fizikal, hak asasi dan pengabaian pengawasan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2019). Lebih malang, pengurusan harta amanah (trust) yang diurus sekiranya tidak didokumentasikan akan memudaratkan kebajikan benefisiari. Ini kerana, harta amanah (trust) perlu diserahkan semula apabila benefisiari mencapai umur 18 tahun.

Pemboleh ubah 8 adalah mengenai tanggungjawab pemegang amanah dalam melaksanakan arahan penderma mengikut terma dan syarat di dalam SIA. Responden mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap soalan ini melalui skor min yang tinggi iaitu 4.50 (s. $p=.730$). Merujuk kepada Seksyen 8(1)(a) sehingga (d) Akta Syarikat Amanah 1949, tanggungjawab pemegang amanah adalah sebagai pentadbir, wasi, penerima, pengurus, pemegang serah hak, pelikuidasi, penjaga harta seorang budak, jawatankuasa bagi estet orang bercelaru mental, penggulungan estet atau harta pusaka, dan bagi penjualan atau pembelian apa-apa harta alih atau harta tak alih; ejen pelaburan dan kewangan. Selain itu, dalam Seksyen (9) dan Seksyen (10) Akta Syarikat Amanah 1949 turut menyatakan bahawa pemegang amanah juga bertanggungjawab sebagai pentadbir bagi sesuatu wasiat yang diamanahkan untuk mendapatkan probet daripada mahkamah. SIA adalah dokumen perundangan yang mengikat (*legally binding contract*) antara penderma dan pemegang amanah. Ini bermaksud, penderma dan pemegang amanah perlu mematuhi. Sekiranya salah satu pihak tidak memenuhi objektif asal akaun amanah tersebut, maka tindakan undang-undang boleh diambil. Justeru, tanggungjawab ARB sebagai pemegang amanah (trust) telah dinyatakan secara jelas pada klausa ketiga dan kelima SIA untuk dilaksanakan bagi kepentingan benefisiari seperti berikut:

3. Penderma telah bersetuju bahawa Pemegang Amanah akan hanya membuat pengeluaran dari Harta Amanah termasuk apa sahaja nilai tambahan atau nilai yang terkumpul untuk kepentingan Benefisiari seperti yang diarahkan oleh penderma melalui arahan secara bertulis...

5. Pemegang Amanah hendaklah membahagikan Harta Amanah untuk faedah dan manfaat Benefisiari seperti yang dinyatakan berikut:-

(5.1) Harta Amanah termasuk apa-apa harta tambahan yang terkumpul yang perlu dibayar atau berhak kepada Benefisiari sehingga benefisiari cukup umur 18 tahun.

(5.2) Sekiranya terjadi ajal maut kepada Benefisiari, Pemegang Amanah akan membayar Harta Amanah termasuk apa-apa harta tambahan yang terkumpul kepada wakil dirinya yang sah.

Selain itu, tanggungjawab pemegang amanah ini juga bertepatan dengan Seksyen 2 Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) menyebut: “*Wasi ertinya seseorang yang kepadanya diamanahkan pelaksanaan sesuatu wasiat orang yang telah mati dan termasuk seseorang yang disifatkan dilantik menjadi wasi oleh mahkamah*”.

Pemboleh ubah 9 adalah mengenai elemen utama bagi amanah (trust). Skor min adalah tinggi iaitu 4.32 (s. $p=.805$). Responden mengetahui bahawa amanah (trust) mempunyai lima elemen utama iaitu penderma (donor), penerima (benefisiari), pemegang amanah (trustee), harta amanah dan Surat Iktan Amanah (El Islamy, 2018).

Pemboleh ubah 10 dan 11 adalah mengenai institusi berautoriti dalam mengendalikan amanah (trust). Skor min kedua-duanya adalah di tahap sederhana iaitu 2.38 (s. $p=1.197$) dan 3.46 (s. $p=1.202$). Tidak dinafikan sistem perundangan negara yang terbahagi kepada Undang-Undang Sivil dan Undang-Undang Syariah dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat. Dapatan kajian menunjukkan responden mungkin terkeliru. Ini termasuklah dengan kewujudan pelbagai institusi rasmi yang terlibat dalam pentadbiran harta pusaka seperti ARB, Pejabat Pesaka Kecil, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah yang melibatkan pengeluaran sijil faraid, pengesahan waris dan penetapan kadar bahagian harta yang diperolehi (Ab Rahman et al., 2018; Ab Rahman et al., 2019; Nasrul & Salim, 2018)

Pemboleh ubah 12 adalah mengenai jenis harta amanah (trust) yang boleh diamanahkan. Skor min yang diperolehi adalah tinggi iaitu 4.21 (s. $p=.922$). Responden bersetuju bahawa semua harta alih dan tidak alih boleh diamanahkan dengan syarat harta tersebut adalah milik penderma.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi, amanah (trust) mempunyai keunikan dan kelebihan tersendiri sebagai solusi terhadap pelbagai isu yang timbul dalam pentadbiran harta pusaka di Malaysia. Penulis berpandangan bahawa pelaksanaan amanah (trust) dapat menjadi salah satu alternatif kepada instrumen perancangan harta pusaka sedia ada seperti faraid, wasiat, hibah, wakaf dan takaful. Melalui pelaksanaan amanah (trust) ini, pemilikan sesuatu harta dapat dirancang pada peringkat awal untuk manfaat benefisiari yang akan ditinggalkan

melalui terma dan syarat yang jelas dinyatakan dalam SIA.

Berdasarkan dua konstruk kaji selidik yang dijalankan ke atas responden kajian, secara umumnya responden mempunyai pengetahuan yang sederhana mengenai mengenai kefahaman hukum-hakam amanah (trust) daripada perspektif syariah. Terutama perkara yang melibatkan benefisiari amanah (trust), hubung kait antara amanah (trust) dengan faraid, wasiat dan hibah. Namun, responden dilihat mempunyai kefahaman yang tinggi pada konstruk kedua mengenai pelaksanaan instrumen amanah (trust). Akan tetapi terdapat juga kekeliruan mengenai konsep amanah (trust) yang berteraskan Undang-Undang Sivil, dan institusi berautoriti dalam mengendalikan amanah (trust). Justeru, penulis mencadangkan penerangan dan pencerahan terhadap mekanisme amanah (trust) dalam pentadbiran harta pusaka dapat dipertingkatkan lagi agar kekeliruan mengenai pelaksanaannya di runtkai.

RUJUKAN

- Abdul Baqi, M. F. 2008. *Al-Mu'jam Al-Mufahris Li Alfaz Al-Quran Al-Karim, Al-Kaherah, Dar Al-Kutub Almisriyyah*, Cet. 1.
- Abdullah^a, M. M., Nasir, N. M., Muhamad, N. H. N., Aziz, M. R. A., Awang, A. B., & Mahmud, M. W. 2020. A Literature Review on Islamic Estate Planning From Year 2014 to 2019. *Library Philosophy and Practice (e-Journal)*, 1–29.
- Abdullah^b, M. M., & Awang, A. B., Nor Muhamad, N. H. 2021. Wasiat Dan Wisayah : Analisis Perbandingan Dalam Perancangan Harta Pusaka Muslim. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 8(1), 55–74.
- Abdullah^c, M. M., & Awang, A. B., Nor Muhamad, N. H.. 2020. Wisayah Dan Amanah - Analisis Perbandingan Undang-Undang Syariah Dan Sivil Dalam Perancangan Harta Pusaka. *Jurnal Syariah* 2(28), 157–188.
- Abdullah, L. 2021. Majlis Pengawasan Syariah Amanah Raya Berhad (MPS ARB), Temu Bual pada 3 Januari 2021
- Abu Bakar, N. H. 2021. Eksekutif Kanan Jabatan Pentadbiran Amanah, Amanah Raya Berhad, Temu Bual pada 2 Januari 2021.
- Ab Rahman, S., Md Khalid, R., Abd Razak, A. & Jaafar, A. B. 2018. Pemeraksanaan Mahkamah Syariah dalam Pentadbiran harta pusaka masyarakat Islam menurut Kerangka federalisme di Malaysia. *Akademika* 88(3): 113–125.
- Ab Rahman, S., Md Khalid, R., & Jaafar, A. B. 2019. Kajian Keberkesanan Undang-Undang Faraid Di Malaysia. *Akademika* 89(Special Issue 2), 77–91.

- Al-Bukhari, M. I. 2000. *Sahih Al-Bukhari*, Almania, Jamiyah Al-Maknaz Al-Islami, Cet. 1.
- Al-Ghazali, M. M. 1993. *Al-Mustashfa*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Cet. 1.
- Al-Imrani, A. M. 2010. *Al-Uqud Al-Maaliyah Al-Murakkabah Dirasah Fihyiyah Taksilyah Wa Tatbiqiyahm As-Sudiyah*, Dar Kunuz Isybilya, Cet. 1.
- Ahmad, M. K. & Borhan, J. T. 2017. Penggunaan Hibah Bersyarat (Berta'liq) Dalam Masalah Pembahagian Manfaat Takaful: Analisis Hukum. *Jurnal Syariah*, 25(1), 51–74.
- Amin, A. S. Manap, Jamiah. Md Akhir, N. 2016. Peranan keluarga dalam kehidupan kanak-kanak kurang upaya Malaysia. *Akademika*, 86(01): 21–30.
- Asy-Syafie, M. I. 1990. *Al-Um*, Beirut, Dar Al-Makrifah.
- Asy-Syaukani, M. A. 1993. *Nail Al-Autar Min Ahadith Said Al-Akhyar Syarh Muntaqa Al-Akhbar*, Al-Qahirah, Dar Al-Hadith, Cet. 1.
- Asy-Syirbini, M. A. (1994). *Mughni Al-Uhtaj Ila Makrifah Ma'ani Alfaz Al-Minhaj*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Cet. 1,
- Az-Zarqa, A. S. (1989). *Syarh Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*, Damsyik, Dar Al-Qalam, Cetk. 2.
- Az-Zuhaily, W. (2011). *Al-Mu'tamad Fi Al-Fiqh Asy-Syafie*, Damsyik, Dar Al-Qalam, Cet. 3.
- Baharudin, N. I., & Said, N. L. M. (2017). Masalah dan Kaedah Penyelesaian Pewarisan Harta Pusaka Mualaf di Malaysia. *Islamiyyat*, 39(1), 47–56.
- Buang, A. H. (2008). *Pembentukan Dan Pentadbiran Harta Amanah Menurut Perspektif Undang-Undang Islam*. Dlm. Siti Mashitoh Mahmood (Pnyt.). Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Buang, A. H. (2021). Majlis Pengawasan Syariah Amanah Raya Berhad (MPS ARB), Temu Bual pada 3 Januari 2021.
- El Islamy, H. (2018). *Legal And Regulatory Aspects Of Trusts*. Islamic Commercial Law Report 2018. (64-67). The International Shariah Research Academy, Bank Of Negara Malaysia.
- Fattah, A., Ismail, W., Rashid, M. R. A., Aunurrochim, M., Shukor, S. A., Mutalib, L. A., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., Jusof, N., Aniq, M., Alias, A., Sains, U., Sembilan, N., Sains, U., Sembilan, N., & Putrajaya, W. P. (2021). Konsep Pelaksanaan Hibah Bagi Kes-Kes Maradh Al-Mawt Covid-19 Dalam Kalangan Orang Islam Di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law* 9(1), 61–72.
- Gay, L.R. & Diehl, P.L. 1992. *Research Methods For Business And Management*. Macmillan Publishing Company, New York
- Hair, J., Anderson, R., Tatham, R., & Black, W. 1995. *Multivariable Data Analysis Reading*. In: USA: Prentice Hall International Editions.
- Halim^a, A. H. 2011. the Legality of a Living Trust As an Instrument for Islamic Wealth Management: a Malaysian Perspective. *IJUM Law Journal*, 19(1), 35–50.
- Halim^b, A. H., & Bustami, T. A. A. 2017. Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam Di Malaysia. *KANUN*, 29(2), 90–115.
- Hulland, J., Chow, Y. H., & Lam, S. 1996. Use Of Causal Models In Marketing Research: A Review. *International Journal of Research in Marketing* 13(2): 181-197.
- Husnaa, A., & Saifullah, M. 2020. Isu-isu berbangkit dalam pengurusan harta pusaka ringkas secara berwasiat dan tidak berwasiat di Amanah Raya Berhad (ARB). *Journal of Shariah Law Research* 5(2): 207–230.
- Ibnu Abidin, M. A. U. 1992. *Rad Al-Muhtar Ala Ad-Dur Al-Mukhtar Syarh Tanqir Al-Absar*. Beirut, Dar Al-Fikr, Cet. 2.
- Ibrahim, B. 2009. *Konsep Amanah di dalam Perundangan Islam*. Penyunting: Akmal Hidayah Halim, Badruddin Ibrahim, Farid Sufian Shuaib. Undang-Undang Harta & Amanah (trust). Jabatan Undang-udnag Islam & Pusat Undang-Undang Harun M. Hashim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ibrahim, M. N. 2021. Eksekutif, Legacy Planner, Jabatan Pentadbiran Amanah, Amanah Raya Berhad. Temu Bual pada 2 Januari 2021.
- Jabatan Akauntan Negara. 2019. Laporan Aktiviti Wang Tidak Dituntut. Statistik WTD 2014-2019.
- Jabatan Audit Negara. 2019. Laporan Ketua Audit Negara 2019. Siri 1. Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2019. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Laporan Statistik.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi.
- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan Budaya Penyelidikan Di Kalangan Guru Di Sekolah: Satu Penilaian. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kline, R. B. 2015. *Principles and Practice of Structural Equation Modeling*. Guilford Publications.
- Krejcie, R. and Morgan, D. 1970. *Determining Sample Size For Research Activities*. *Educational And Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Mahamood, S. M. 2017. Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15): Suatu Ulasan Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang. *KANUN* 2(29): 177–192.
- Mahmud, M., Kadir, A. F., & Anuar, N. F. K. 2018. Shari'Ah Issues In Islamic Trust Services: The Case Of Estate Planning In Malaysia. The International Shariah Research Academy, Bank Of Negara Malaysia.
- Pierce, M. 2008. *Your Wills, Trusts & Estates Explained Simply: Important Information You Need to Know*, Atlantic Publishing Company, United States.
- George, M. 2005. *Undang-Undang Amanah Malaysia*, Thomson: Sweet & Maxwell Asia.

- Muhamad, A. M. Z. 2015. Konsep Amanah Dalam Pengurusan Islam Dari Sudut Maqasid Syariah (Penjagaan Harta), Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah (Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1-9.
- Muhamad. A. 2006. Pengamanahan harta orang Islam di Malaysia. Dlm. *Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia*, disunting oleh . Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- MyMetro. 2020. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/05/583552/rm70-bilion-harta-pusaka-tergantung>
- Nasrul, M. A. D., & Salim, W. N. M. 2018. Administration of estates in Malaysia: Determinant of factors behind the delay in the distribution of the deceased's asset. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)* 3(1): 75–86.
- Nor Muhamad^a, N. H. 2012. *Wasiat & Wisayah dalam Perancangan Harta: Prinsip dan Amalan*. UTM Press.
- Nor Muhamad^b, N. H. 2017. Wasiat sebagai instrumen perancangan harta Islam: Prosedur dan pelaksanaan. *Jurnal Hadhari* 9(1): 17–32.
- Othman, N. S. 2021. Penolong Pengurus, Jabatan Pentadbiran Amanah, Amanah Raya Berhad, Temu Bual pada 2 Januari 2021.
- Rashid, R. A., & Yaakub, N. I. 2010. Masalah kegagalan dan kelewatan pengagihan harta pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek* 5(2).
- Roscoe, J. T. 1975. *Fundamental Research Statistics For The Behavioral Sciences*. Vol 2, Holt, Rinehart And Winston.
- Said, N. L. M., Ayub, W. Amirul Adli W., Muda, M. Zamro, Yusoff, Adnan M., & Kashim, M. Izhar Ariff M. 2019. Pengamanahan dalam perancangan dan pengurusan harta orang Islam. *ISLAMIYYAT* 41(2): 71–79.
- Sallehuddin, T. S. A. T. 2021. Eksekutif Kanan, Legacy Planner, Jabatan Khidmat Pelanggan, Amanah Raya Berhad. Temu Bual pada 2 Januari 2021.
- Sarip, M. M., Adnan, A., & Jusoh, M. M. 2018. Tahap pengetahuan hibah hartanah dalam perancangan harta orang Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics, and Developmen* 2(5): 79–89.
- Sekaran, U. & Bougie, R. 2003. *Research & Method For Business: A Skill Buiding Approach*. 4th edition. John Willey & Son.
- Sharp, R. F. 2010. *Living Trusts for Everyone: Why a Will is Not the Way to Avoid Probate, Protect Heirs, and Settle Estate*, Simon and Schuster, United States.
- Watt, G. 2010. *Trust And Equity*. 4th edition. Oxford University Press.
- Yaacob, O. 2008. Pembentukan trust hibah sebagai alternatif perancangan harta. Dlm. *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*, disunting oleh . Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Yaakub. N. I. 2021. Majlis Pengawasan Syariah Amanah Raya Berhad (MPS ARB). Temu Bual pada 3 Januari 2021.
- Yahya, N. 2021. Ketua Jabatan, Jabatan Pentadbiran Wasiat, Amanah Raya Berhad. Temu Bual pada 28 April 2021.
- Yunus, M. H., Zakaria, Z., & Ahmad, M. Y. 2016. Pandangan ulama terhadap kontrak hibrid dan pelaksanaannya dalam produk Pembiayaan Perumahan Affin Home Invest-I. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 3(3): 39–48.
- Yusof, N. M. 2011. Permasalahan pemegang amanah terhadap benefisiari kanak-kanak dalam harta faraid. *Jurnal Muamalat* 11(15): 1155–1167.
- Zulkepli, M. Y. & Bustami, T. A. A. 2019. The grey side of hibah amanah as inheritance instrument in Malaysia. *Al-Shajarah* 24(2): 267–292.

Muhamad Mu'izz Abdullah (Pengarang Koresponden)
Pelajar Doktor Falsafah,
Abdulhamid Abusulayman Kulliyah of Islamic Revealed
Knowledge and Human Sciences,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Jln Gombak, 53100 Kuala Lumpur
muizzziela8990@gmail.com

Nasrul Hisyam Nor Muhamad
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru,
Malaysia
nasrul@utm.my

Abdul Bari Awang
Abdulhamid Abusulayman Kulliyah of Islamic Revealed
Knowledge and Human Sciences,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Jln Gombak, 53100 Kuala Lumpur
abdbari@iium.edu.my

Mohamad Sabri Zakaria
Abdulhamid Abusulayman Kulliyah of Islamic Revealed
Knowledge and Human Sciences,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Jln Gombak, 53100 Kuala Lumpur
sabrizz@iium.edu.my